

CNS4219

R GB 16-04 00135 BC677

bah

MALAYSIA BOLEH CAPAI KEMAJUAN SEPERTI NEGARA MAJU  
Mahathir - Sikap

MELAKA, 15 April (Bernama). -- Malaysia boleh mencapai kemajuan seperti yang dikecapi oleh negara maju jika rakyat sanggup mempelajari ilmu dan mengubah sikap, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Dalam hubungan ini, rakyat perlu mengamalkan nilai-nilai yang boleh membawa kejayaan.

+Kejayaan atau kegagalan itu terletak kepada sikap yang diamalkan oleh bangsa itu sendiri,+ katanya pada majlis jamuan malam negeri di Air Keroh, di sini.

Perdana Menteri berkata, bangsa yang mengamalkan nilai hidup yang baik termasuk jujur, amanah dan menepati janji akan mencapai kejayaan.

Beliau berkata, negara lain akan menghormati Malaysia jika pencapaian negara ini baik dan oleh itu adalah penting untuk rakyat negara ini bekerjasama memajukan negara. -- Lagi

▼16/04/00-46MST

CNS4220

R GB 16-04 00147 BC678

bah

Mahathir - Sikap 2 (Akhir) Melaka

+Hasrat kita ialah supaya tiada siapa yang memandang rendah kepada kita,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, konsep Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan kira-kira 10 tahun lepas telah membawa kemajuan kerana beberapa negara mula menirunya.

Dr Mahathir berkata Malaysia bernasib baik kerana ketika dunia menghadapi kemelesetan ekonomi, negara ini tetap +sihat+ kerana kerajaan dan rakyat mengutamakan kemakmuran.

Pada majlis itu, Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik menyerahkan buku +Wawasan Mahathir+ susunan Yusof Harun terbitan Intisari Sekutu (M) Sdn Bhd kepada Dr Mahathir.

Buku setebal 257 muka surat itu mengandungi susunan ucapan Perdana Menteri sejak menjadi Presiden Umno.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyaksikan pertunjukan bunga api dan perarakan kereta berhias di Bandar Hilir di sini. -- Bernama

▼16/04/00-50MST